



# Tun Abdullah penggerak agenda integriti nasional, perintis IIM

Mengangkat pengamalan nilai murni dan pembudayaan integriti dalam masyarakat

Oleh Rahman Mohd Din

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Integriti Malaysia



Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri kelima yang menerajui negara dari 2003 hingga 2009, dikenang bukan sahaja sebagai seorang pemimpin berhemah dan berwibawa, malah sebagai tokoh reformasi integriti negara.

Di bawah pentadbirannya, Malaysia menyaksikan satu transformasi penting dalam usaha memperkuatkan tadbir urus, mengangkat nilai murni dalam perkhidmatan awam serta memerangi rasuah melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Kedua-dua inisiatif ini menjadi tonggak utama dalam landskap pembangunan etika dan integriti negara.

Lebih mesra dengan panggilan 'Pak Lah', Abdullah mengambil alih tampuk kepimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober 2003.

Latar belakangnya dalam bidang pentadbiran, agama dan pendidikan menjadikan beliau seorang pemimpin tegas dalam soal integriti, namun tetap lembut dalam pendekatan. Beliau sering menekankan pentingnya kepemimpinan amanah dan berpaksikan nilai Islam dalam pentadbiran awam.

Selepas mengambil alih jawatan Perdana Menteri, Abdullah mula memberi tumpuan kepada usaha menangani gejala rasuah, ketirisan kewangan dan kelemahan sistem penyampaian kerajaan.

Salah satu legasi terpenting ditinggalkan Abdullah ialah penubuhan IIM menjadi tonggak utama dalam usaha memperkuatkan budaya integriti dan tadbir urus baik di negara ini.



Penubuhan IIM pertama kali diumumkan Abdullah pada 1 November 2003, sejurus selepas beliau mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertamanya di Putrajaya.

Pada waktu itu, institut ini dikenali sebagai Institut Etika Awam dan sebahagian daripada strategi nasional meletakkan nilai integriti, akauntabiliti dan etika sebagai teras kepada pentadbiran negara.

Hasrat ini diterjemahkan secara konkrit menerusi penubuhan IIM secara rasmi pada 4 Mac 2004, sebagai syarikat berhad menurut jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 dan beroperasi di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pelancaran rasmi IIM disempurnakan Abdullah pada 23 April 2004, serentak dengan pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN).

## Budayakan nilai integriti

Pelan ini digubal sebagai dokumen induk negara membudayakan nilai integriti merentasi sektor awam, swasta, politik, masyarakat dan institusi keluarga, serta menangani secara sistematik isu seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan salah urus tadbir.

IIM ditubuhkan bukan sekadar sebagai simbol komitmen kerajaan terhadap nilai integriti, tetapi berperanan sebagai agensi penyelaras utama bagi merancang, melaksanakan, memantau dan menilai pelbagai inisiatif serta dasar berkaitan integriti di peringkat nasional.

Institut ini menjadi pemacu kepada pelaksanaan PIN dan pelbagai program menyokong ke-

**INTEGRITI**  
INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA  
The Malaysian Institute of Integrity

rangka integriti negara, termasuk promosi nilai murni, pembangunan kapasiti agensi serta penyelidikan dan penerbitan dalam bidang etika serta tadbir urus.

Dengan pendekatan bersifat menyeluruh, penubuhan IIM membuka lembaran baharu dalam landskap integriti Malaysia, menjadikan integriti bukan lagi sekadar retorik, tetapi suatu sistem nilai dirancang, dibudayakan dan dipertanggungjawabkan.

Ini sekali gus mencerminkan visi Abdullah yang mahu melihat Malaysia bukan sahaja sebagai negara maju dari segi fizikal dan ekonomi, tetapi unggul dari segi moral, akhlak serta tatakelola.

Institut ini juga berperanan sebagai badan pemikir dan penasihat dalam hal ehwal integriti, menyediakan perkhidmatan perundingan, latihan dan penyelidikan kepada pelbagai sektor.

Apa yang membezakan PIN daripada dasar sebelumnya adalah pendekatan holistik dan inklusif merangkumi seluruh ekosistem masyarakat - dari sektor kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sehinggalah kepada institusi pendidikan dan keagamaan.

Seiring dengan perkembangan masa, pada Januari 2019, PIN digantikan dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Dalam konteks ini, IIM terus memainkan

peranan penting memperkuatkan integriti dan tadbir urus di Malaysia, menawarkan pelbagai program dan inisiatif menyasarkan sektor awam dan swasta.

Walaupun inisiatif diperkenalkan Abdullah bersifat progresif dan berpandangan jauh, pelaksanaannya tidak bebas daripada cabaran. Antara cabaran utama dihadapi termasuklah:

## Penolakan budaya lama

Sesetengah pegawai kerajaan dan ahli politik kurang selesa dengan perubahan dibawa kerana ia menuntut ketelusan serta akauntabiliti lebih tinggi.

## Kekangan struktur dan birokrasi

Sistem pentadbiran kompleks dan bersifat hierarki menyukarkan pelaksanaan reformasi dalam tempoh singkat.

## Ketahanan politik

Pendekatan Pak Lah yang berhemah kadangkala dilihat kurang tegas, lalu menimbulkan tekanan daripada pelbagai pihak termasuk dari dalam partinya sendiri.

Namun begitu, meskipun menghadapi pelbagai halangan, Abdullah kekal konsisten dalam memperjuangkan nilai integriti. Beliau percaya transformasi budaya dan pemikiran memerlukan masa dan tidak boleh dicapai secara paksaan atau tergesa-gesa.

Inisiatif diperkenalkan Abdullah memberi kesan jangka panjang yang signifikan dalam pembentukan landskap integriti negara. Walaupun beliau bersara daripada politik aktif, idea dan dasar diperkenalkan terus men-

jadi rujukan dan asas kepada usaha pembaharuan seterusnya.

IIM masih berfungsi sebagai badan utama dalam penyelarasan dasar integriti. PIN pula mengalami beberapa penambahbaikan dan kini diteruskan dalam bentuk pelan tindakan lebih terarah, seperti NACP dilancarkan pada 2019.

Lebih penting lagi, agenda integriti berjaya memperkuatkan kesedaran awam mengenai pentingnya tadbir urus yang baik. Rakyat kini lebih peka terhadap isu rasuah, ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Nilai ini semakin menjadi budaya dan jangkauan masyarakat terhadap pemimpin serta penjawat awam.

Abdullah bukan sekadar seorang Perdana Menteri menjalankan tanggungjawab pentadbiran, malah seorang negarawan berani mencorakkan satu hala tuju baharu kepada negara berpaksikan integriti, ketelusan dan amanah.

Penubuhan IIM dan pelaksanaan PIN adalah manifestasi jelas kepada iltizam beliau menjadikan Malaysia negara beretika dan berwibawa.

Di tengah-tengah kemelut politik dan isu rasuah melanda negara dari semasa ke semasa, legasi Abdullah tetap relevan dan menjadi rujukan penting.

Sumbangan beliau terhadap pembangunan sistem integriti negara tidak harus dilupakan, sebaliknya perlu disemai semula dalam kalangan generasi baharu supaya Malaysia terus melangkah sebagai negara berdaya saing, adil dan bernaarwah.

Abdullah akan terus dikenang sebagai negarawan mengangkat agenda pembaharuan berasaskan nilai. Kepimpinan beliau menandakan permulaan era baharu dalam landskap pentadbiran negara lebih beretika dan akauntabiliti.

Antara legasi terpenting beliau ialah pengenalan PIN dan penubuhan IIM yang menjadi titik tolak kepada pembudayaan integriti secara sistematik dalam pentadbiran awam dan sektor swasta.

Menerusi pendekatan Islam Hadhari, beliau memperkasakan kerangka pembangunan negara inklusif, seimbang antara kemajuan material dan nilai spiritual.

Gaya kepimpinan beliau yang tenang, berhemah dan mengutamakan musyawarah menjadikan beliau tokoh reformis dihormati merentasi sempadan politik.